

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

OKTOBER

2 Jam

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN :

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. *Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan e-dompot.

Huraikan pendapat anda tentang **penggunaan e-dompot**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



E-dompot ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit dan juga maklumat akaun dalam bentuk aplikasi digital. E-dompot bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal supaya kita tidak perlu lagi membawa wang tunai atau beg tangan ke mana-mana.



Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa.



Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan.

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

1. Generasi muda ialah penggerak kemajuan negara dan semua pihak perlu berusaha supaya generasi muda kita tidak terus hanyut dalam arus masalah sosial yang tidak bermanfaat. Penyelesaian dan pendekatan yang perlu dilaksanakan adalah menerusi program penerapan dan peningkatan nilai murni dalam kalangan masyarakat, terutama generasi muda kita.

Sumber : *Berita Harian online*

Sebagai respons terhadap petikan di atas, jelaskan cara-cara yang perlu dilaksanakan bagi memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda.

2. Program Kitar Semula bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang pendidikan alam sekitar pada peringkat awal, iaitu seawal sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Program ini sekali gus mendatangkan impak positif bukan hanya di sekolah, malahan ke peringkat daerah, negeri mahupun negara. Usaha ini turut dilihat amat penting bagi mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif sekali gus memberikan suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.

(Sumber : *Berita Harian Online*, 19 September 2018)

Petikan di atas menunjukkan pihak sekolah memikul tanggungjawab untuk memberi kesedaran dan menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula.

Tulis sebuah syarahan yang bertajuk "Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Kitar Semula".

3. Cabaran utama sektor pertanian di Malaysia ialah kesinambungan dari segi survival berikutan komuniti pertanian lebih dipelopori golongan sudah berumur. Generasi muda pada masa ini kurang meminati sektor pertanian dan menganggap penyertaan dalam bidang pertanian sebagai bahaya, kotor, sukar dan hina (4D) serta mereka yang terbabit dalam sektor ini dianggap menerima gaji rendah dan tidak menjanjikan masa depan yang baik.
- (Sumber : *My Metro*, 2 September 2021)

Berdasarkan petikan di atas, huraikan punca-punca generasi muda kurang meminati sektor pertanian.

4. Secara umum, produk tempatan kita memiliki kualiti yang baik dan harga yang berpatutan. Uniknyanya, produk ini menawarkan ciri khas yang sukar ditemui dalam produk import. Kelebihan barangan buatan Malaysia bukan sahaja sekadar harga yang mungkin lebih murah namun barangan ini mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang unik.
- Sumber : *Internet*

Petikan di atas menunjukkan kelebihan barangan buatan Malaysia. Ulaskan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT